

KONGSI ILMU, KEPAKARAN DAPATKAN PROJEK BESAR

08 March 2016

- The Borneo Post Online
Steve Annuar Oleh

MIRI: Perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran memberi kelebihan kepada kontraktor Bumiputera melaksanakan projek berskala besar seperti Lebuh Raya Pan Borneo.

Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Rosey Yunus berkata perkongsian atau konsortium di kalangan kontraktor Bumiputera akan menjadikan mereka lebih berdaya saing.

“Pelaksanaan projek-projek mega seperti Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak memberi ruang dan peluang kepada usahawan-usahawan terlibat turut serta dan memperolehi pengalaman mengendalikan projek-projek tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Impak dan Peluang Ekonomi Dalam Pembinaan dan Industri-Industri Berkaitan di Sarawak di bawah Program Latihan Aspirasi Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) untuk zon utara di sini, semalam.

Rosey yang juga penasihat Dewanita Miri berkata, usaha sama dengan usahawan bukan Bumiputera juga langkah untuk memantapkan pencapaian usahawan Bumiputera.

Melalui usaha sama ini, usahawan Bumiputera dapat mempelajari teknik dan selok-belok perniagaan daripada rakan kongsi mereka.

“Namun, usaha sama itu perlu dijalankan secara tulen dan usahawan Bumiputera tidak menyerahkan keseluruhan pengurusan dan pelaksanaan projek kepada rakan-rakan niaga mereka tetapi mesti terlibat secara langsung menjalankan perniagaan tersebut,” jelasnya.

Selain itu, usahawan khususnya yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana (IKS) diminta terus inovatif dan kreatif dalam menampilkan produk-produk jualan dan perkhidmatan mereka.

Mereka juga harus peka dengan peluang perniagaan baharu dan berpotensi yang ada di sekeliling mereka untuk direbut dan diusahakan.

Peluang termasuk dalam bidang pertanian, peruncitan, pembinaan, pembekalan, perkhidmatan dan pelancongan dapat menawarkan pulangan menguntungkan sekiranya diusahakan dengan bijak.

“Apa yang penting bagaimana kita dapat melakukan inovasi dan kreativiti agar perniagaan yang kita lakukan itu lebih berkualiti dan unik daripada orang lain,” tambahnya.

Mengulas program itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu itu berkata penganjuran aktiviti itu berjaya menghimpun usahawan Bumiputera sekitar zon utara berbincang menentukan perancangan dan pelaksanaan program-program DUBS.

Beliau menambah, semangat setia kawan dan bermusyawarah perlu sentiasa diperkukuhkan dalam usaha merancang dan melaksanakan pelan pembangunan usahawan Bumiputera.

Seminar telah diadakan di Kuching dan Bintulu. Penyertaan di zon utara merangkumi ahli-ahli DUBS di Miri, Marudi, Lawas dan Limbang.

Aktiviti sehari itu dianjurkan bersama oleh DUBS dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Sarawak.

Antara penceramah ialah Ahli Majlis DEWANITA Kuspa Bohari, Pengurus Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Miri Muhd Rizuan Hamzah, Profesor Dr Mohd Shahren Ahmad Zaidi daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Pengarah Urusan Syarikat Sinaran Linor Sdn Bhd Noraden Tuah.

Hadir sama Pegawai Kanan TERAJU dan penceramah Hanizam Hashim, ketua pasukan seminar, penceramah serta Pengerusi DEWANITA Sarawak Juita Drap, Timbalan Presiden DUBS Zawawi Embong dan Pengerusi DUBS Miri Abdul Samad Mohd Ali.